

‘ASEAN tak boleh jadi pemerhati bersifat pasif’

Kuala Lumpur: ASEAN tidak boleh menjadi pemerhati yang bersifat pasif dalam menghadapi cabaran ekonomi dan geopolitik global, sebaliknya perlu memimpin usaha membina daya tahan dalam kalangan negara anggotanya yang kini menaungi lebih 600 juta penduduk, kata Datuk

Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, berkata blok itu bukan sahaja perlu bertindak balas, malah juga perlu melangkaui ketika memimpin usaha memperkukuh rantaian bekalan, memperkasakan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), melabur dalam kelestarian serta menerima guna inovasi.

“Dengan kesepakatan ASEAN, saya percaya kita mampu mengangkat semula kekuatan ekonomi, bukan sahaja Malaysia, malah juga rantau ini sebagai rantau penting dan kritikal dalam menghadapi ujian dan utamanya menjadikan kekuatan ekonomi sebagai asas,” katanya ketika berucap pada Makan Malam Gala sempena Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN (AEM) ke-57 dan Mesyuarat Berkaitan, di sini malam kelmarin.

Anwar turut mengalu-alukan cadangan bagi mengadakan Mesyuarat Bersama Menteri-Menteri Luar dan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN yang pertama seumpamanya bulan depan dan menyifatkannya sebagai satu inisiatif yang berani dan tepat pada masanya.

“Ini mencerminkan iltizam ASEAN untuk menangani masalah geopolitik dan geoekonomi yang saling berkait dengan perpaduan serta kepaduan berins-titusi,” katanya.